

# SIDREC terus terima pembiayaan

KUALA LUMPUR 9 April - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) akan membiayai Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) selama dua tahun lagi.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif SIDREC, Sujatha Sekhar Naik berkata, pembiayaan lanjutan itu berdasarkan persefahaman bahawa kes levi akan dikenakan ke atas anggota yang membuat tuntutan levi terhadap mereka.

"Anggota akan dimaklumkan mengenai struktur levi dalam tempoh terdekat," katanya.

Sujatha berkata, pembiayaan lanjutan oleh SC itu merupakan langkah sementara bagi memberikan masa untuk memantau perkembangan dan melakukan semakan menyeluruh bagi memutuskan jumlah kos yang saksama.

Beliau berkata, di seluruh dunia operasi badan penyelesaian pertikaian industri akan dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh anggota.

"Oleh itu, prinsip industri menyumbang kepada pembiayaan SIDREC adalah selari dengan amalan antarabangsa," katanya. -

BERNAMA